

5 lagi lebuh raya laksana sistem pembayaran terbuka

Mohd Roji Kawi
mdroji@bh.com.my

Kuching: Lima lagi lebuh raya akan melaksanakan sistem pembayaran terbuka bagi memberikan pilihan cara pembayaran tol.

Lebuh raya terbabit adalah Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP), Skim Penyuraian Trafik Kuala Lumpur Barat (SPRINT), Lebuhraya Shah Alam (KESAS), Terowong SMART serta Lebuhraya Kuala Lumpur-Putrajaya (MEX).

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, syarikat konsesi lima lebuh raya itu bersetuju untuk mengambil bahagian di dalam pelaksanaan sistem berkenaan yang akan bermula pada pertengahan bulan September ini.

Beliau berkata, sistem pembayaran terbuka itu akan dilaksanakan secara berfasa dan dengan penyertaan lima lebuhraya terbabit menjadikan keseluruhan jumlah yang terbabit di dalam pelaksanaan sistem pembayaran terbuka meningkat kepada 11 lebuhraya.

"Keputusan untuk melaksanakan sistem pembayaran terbuka itu dicapai melalui pelbagai proses rundingan antara Bahagian Pembangunan dan Penswastaan Kementerian Kerja Raya (KKR) dengan semua pihak berkepentingan termasuk pihak syarikat konsesi, sejak tahun 2022 lagi.

"Rundingan seumpama ini adalah usaha berterusan KKR dan perlu diadakan bagi memastikan pelaksanaan sistem Multi Lane Fast Flow (MLFF) dapat dijayakan," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Nanta berkata, usaha itu juga adalah langkah awal yang diambil oleh KKR dan pihak terbabit bagi memastikan keberkesanan sistem yang efisyen selain menyelesaikan isu yang mungkin timbul sebelum pelaksanaan sepenuhnya MLFF.

"Perkara ini amat saya tekankan bagi memastikan pengguna tidak mengalami sebarang kesukaran ketika pelaksanaan sepenuhnya MLFF tidak lama lagi.

"Lokasi pelaksanaan Proof of Concept (POC) MLFF sudah diputuskan dengan Lebuhraya Sungai Besi dipilih sebagai lokasi POC yang pertama," katanya.

Beliau berkata, pelaksanaan POC akan dibuat pada penghujung Oktober 2023 bagi menilai sistem MLFF sebelum ianya dilaksanakan bagi kesemua lebuhraya di Malaysia.

Menurutnya lagi, KKR juga sedang mengadakan rundingan bersama syarikat konsesi yang lain bagi mendapatkan satu lagi lebuhraya bagi pelaksanaan POC MLFF dan eputusan lokasi POC kedua ini akan diumumkan dalam masa terdekat.

"Sistem pembayaran terbuka dan MLFF tidak boleh dilaksanakan semalam dan perlu melalui pelbagai peringkat.

"Perkara itu tentunya bukan mudah dan memerlukan perancangan teliti dan penggunaan teknologi yang berpatutan serta rundingan bersama pelbagai pihak sebelum ianya dapat dilaksanakan sepenuhnya," katanya.

Justeru, beliau memohon kerjasama semua pihak agar bersabar dan memberikan sedikit masa kepada pasukan di KKR yang komited dalam melaksanakan sistem pembayaran terbuka itu sekaligus memastikan transisi MLFF ini dapat dilaksanakan secara berfasa selewat-lewatnya pada suku ketiga 2024.

Disiarkan pada: Mac 28, 2023 @ 11:02am